



LPSVN UKK/600-01/05 JILID 2 (17)

SIARAN MEDIA

BORNEO CREATIVE & CULTURE DISTRICT (BCCD) 2025: RASAI KEUNIKAN WARISAN SERTA INOVASI SENI BORNEO

12 NOVEMBER 2025 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui **Balai Seni Negara** bakal menganjurkan **Borneo Creative & Culture District (BCCD) 2025**, sebuah festival seni dan budaya yang akan berlangsung dari **21 hingga 23 November 2025** di **Kampung Warisan Sabah (Fasa II)**, Muzium Sabah, Kota Kinabalu, Sabah.

Festival selama tiga hari ini turut mendapat sokongan daripada pelbagai agensi dan institusi termasuk Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, Balai Seni Lukis Sabah, Muzium Sabah, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Kraftangan Malaysia, Tourism Malaysia, Sabah Tourism Board, Hello Sabah, serta Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK).

BCCD 2025 mengetengahkan gabungan seni, budaya dan kreativiti melalui pelbagai pengisian menarik yang terbuka kepada semua lapisan masyarakat. Pengunjung berpeluang menikmati pengalaman seni interaktif di ruang terbuka menerusi *Art in the Park*, selain meninjau *Artisan Market* yang menampilkan jualan kraf, makanan, dan produk tempatan hasil kreativiti komuniti Borneo.

Pelbagai bengkel, demonstrasi dan pameran turut dijalankan secara kolaboratif bersama komuniti seni tempatan, memberi peluang kepada pengunjung untuk turut serta secara langsung dalam aktiviti seni. BCCD 2025 juga menampilkan forum dan sesi perkongsian bersama penggiat seni serta usahawan kreatif, di samping persembahan seni dan kebudayaan yang memaparkan keindahan warisan Borneo secara tradisional dan kontemporari melalui muzik, tarian serta persembahan visual.

Majlis perasmian BCCD 2025 akan diadakan pada 22 November 2025 (Sabtu), jam 7.00 malam, dan akan disempurnakan oleh YB Datuk Khairul Firdaus bin Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

Balai Seni Negara merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan strategik yang memainkan peranan penting dalam menjayakan festival ini. Antara rakan kerjasama yang terlibat ialah Ruas Garis, Sukaseni Malaysia, Borneo Bengkel, Pangrok Sulap, Haus KCH, Susur Galur, Asgardian Art, Persatuan Seni Visual Sabah, Sabah Youth Network for Creatives, Labuan Visual Art Association, University College Sabah Foundation, serta Sekolah Seni Malaysia Sabah.

Penganjuran BCCD 2025 bertujuan mengangkat nilai seni, budaya dan warisan Borneo, di samping memperkukuh peranan industri kreatif sebagai pemangkin ekonomi serta medium perpaduan masyarakat melalui seni. Program ini terbuka kepada semua dan masuk adalah percuma. Orang ramai dijemput hadir bagi memeriahkan pelbagai aktiviti seni dan budaya yang dianjurkan sepanjang festival ini.

Untuk maklumat lanjut mengenai pengisian penuh program, ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara atau layari laman sesawang www.artgallery.gov.my.

Dikeluarkan:

**Unit Komunikasi Korporat
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur
Tel: 03-40267000 Fax: 03-40244998
E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Mohd Zuriyadi Sarpin

T: +60 11 1005 5207

E: zuriyadi@artgallery.gov.my

Intan Syazwina Suhaimi

T: +60 19 998 5884

E: syazwina@artgallery.gov.my